



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Scammer sasar pendeposit TH
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 19 April 2022

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 1 & 2

65 kes tipu dilaporkan babit kerugian RM3.6 juta sejak Januari lalu

Scammer sasar pendeposit TH

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
dan **BATRISYIA KHAIDAR**
utusannews@mediamulia.com

PETALING JAYA: Selain golongan profesional termasuk doktor, guru dan jururawat, sindiket Macau Scam kini menjadikan

pendeposit Tabung Haji (TH) sebagai sasaran mereka.

Lebih menyedihkan, wang simpanan milik mangsa yang kebanyakannya warga emas dan pesara hilang begitu sahaja.

Modus operandi tersebut mulai dikesan sejak Januari lalu

apabila sebanyak 65 pendeposit TH menjadi mangsa penipuan itu yang melibatkan kerugian RM3.6 juta.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan

Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisyoner Victor Sanjos berkata, sindiket itu akan menghubungi mangsa memaklumkan akaun bank mereka bakal dibekukan kerana terbabit kes jenayah.

Selepas itu, katanya, sindiket

akan meminta mangsa membuka sebuah lagi akaun lain di bank sama sebelum menyerahkan satu nombor telefon untuk diletakkan di dalam maklumat akaun berkenaan.

Bersambung di muka 2

Scammer sasar pendeposit TH

Dari muka 1

“Mereka akan meyakinkan mangsa bahawa nombor berkenaan adalah nombor aduan membabitkan kes yang sedang disiasat, walhal nombor tersebut adalah milik sindiket.

“Sebaik sahaja wang simpanan mereka dipindahkan ke dalam akaun baharu, sindiket mula mengambil kesempatan menggunakan nombor pengesahan transaksi (OTP) yang dihantar ke nombor telefon yang diberikan untuk mengeluarkan semua wang tersebut.

“Bukan itu sahaja, wang mereka yang disimpan di dalam akaun berkenaan dan dihubungkan dengan akaun Tabung Haji turut lesap,” katanya ketika ditemui di Menara KPJ, di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu Victor berkata, trend penipuan Macau Scam meningkat setiap tahun apabila sebanyak 20,340 kes direkodkan dalam tempoh empat tahun sejak 2019 sehingga Mac lalu.

Lebih menyakitkan, akibat terpedaya dengan sindiket

penipuan tersebut, mereka mengalami kerugian sebanyak RM814.71 juta dalam tempoh sama.

“Daripada jumlah itu, kes tertinggi dicatatkan adalah pada tahun lalu iaitu sebanyak 6,358 mangsa melibatkan kerugian wang bernilai RM198.36 juta diikuti 2020 (6,007 kes dengan RM289.18 juta) serta 2019 (5,736 kes dengan RM255.01 juta).

“Bagi tiga bulan pertama tahun ini, sebanyak 2,239 kes dilaporkan dengan kerugian RM72.15 juta,” jelasnya.

Dalam pada itu, jelas Victor, antara faktor utama yang menyebabkan mangsa mudah tertipu adalah kerana panik selepas diugut akan dikenakan tindakan terhadap mereka.

Kata beliau, disebabkan bimbang akaun akan dibekukan, mereka sanggup mengikut kemahuan sindiket berkenaan asalkan wang simpanan selamat.

“Kebanyakan kes yang dilaporkan gagal mendapatkan semula wang mangsa

memandangkan hanya disedari selepas beberapa hari simpanan mereka lesap,” katanya.

Kata Victor, pihaknya telah mengambil beberapa langkah pendekatan dengan menubuhkan ‘CCID Scam Response Centre’ bagi menyekat sebarang transaksi dilakukan ke dalam akaun milik sindiket.

“Orang ramai juga boleh melakukan semakan nombor telefon dan akaun bank yang diberikan mana-mana individu sebelum melakukan sebarang pemindahan wang atau transaksi,” katanya.

TH juga sering menasihati orang ramai agar sentiasa berhati-hati dan mengambil langkah waspada kerana agensi itu tidak pernah melantik mana-mana individu sebagai ejen dalam hal berkaitan tawaran haji atau pakej haji atau sebarang urusan berkaitan dengan-



Mereka akan meyakinkan mangsa bahawa nombor berkenaan adalah nombor aduan membabitkan kes yang sedang disiasat, walhal nombor tersebut adalah milik sindiket.”

VICTOR SANJOS

